



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	04 JUNE 2016

SAMM lapor polis isu pemalsuan tandatangan

BH - 4/6/2016

➔ Pihak berkuasa diminta siasat penipuan babit kepentingan awam

Oleh Fatin Fazlina Yaakob
bhnews@bh.com.my

► Georgetown

Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) Pulau Pinang, semalam, membuat laporan polis berhubung pemalsuan tandatangan dalam memorandum Deklarasi Rakyat.

Penyelaras bersama SAMM Pulau Pinang, Ahmad Azrizal Tahir, berkata pihaknya menerima maklumat daripada be-

berapa individu yang mendakwa wujud unsur penipuan dalam memorandum yang diketuai oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad itu.

"Laporan polis ini dibuat adalah susulan pendedahan oleh blog CheguBard (Badrul Hisyam Shaharin) sebelum ini, yang mempunyai bukti berhubung penipuan tandatangan dalam memorandum Deklarasi Rakyat.

Ragu kesahihan

"Amat mustahil tandatangan yang diperoleh itu, yang kononnya adalah tandatangan rakyat, dapat dikumpulkan dalam jangka masa singkat, sedangkan ketika itu ramai ahli politik dan aktivis memberi tumpuan terhadap Pilihan Raya Negeri Sarawak yang berlangsung baru-baru ini," katanya selepas membuat laporan polis di Balai Polis Bayan Baru di sini, semalam.

Justeru, Ahmad Azrizal ber-

Fakta
nombor

RM5,000
BAYARAN

dijanji kepada seorang pengaturcara komputer sambilan

900,000
MAKLUMAT

peribadi pengundi untuk digunakan sebagai tandatangan menyokong Deklarasi Rakyat

kata, SAMM menggesa pihak berkuasa menjalankan siasatan terhadap kegiatan penipuan ini berikutan ia membabitkan kepentingan awam.

Katanya, SAMM juga akan membuat laporan polis di Selangor, Negeri Sembilan dan Terengganu mengenai isu sama.

"Perkara ini perlu disiasat kerana tandatangan yang dikumpul dengan usaha penipuan itu akan dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah," katanya.

Mei lalu, seorang pengaturcara komputer sambilan mendakwa dijanjikan RM5,000 bagi menyalurkan 900,000 maklumat peribadi pengundi untuk digunakan sebagai tandatangan menyokong Deklarasi Rakyat.

Ia susulan kenyataan Dr Mahathir yang mendakwa menerima sokongan hampir 1.2 juta orang dalam tempoh dua minggu.